

Pengaruh Modal Psikologi Ke Atas Pencapaian Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam

Beddu Salam Baco dan Mohd. Nazri Ismail

Universiti Malaysia Sabah

DOI: <https://doi.org/10.51200/jpks.v2i1.6762>

Modal psikologi terdiri daripada keyakinan diri, harapan, optimis dan ketahanan didapati mempunyai pengaruh ke atas pencapaian seseorang. Modal psikologi adalah konstruk tahap tinggi yang diaplikasikan dalam konteks pekerjaan diandaikan mempengaruhi prestasi di tempat kerja. Kajian ini memanjangkan konsep modal psikologi dalam latar akademik. Tujuan kajian ini adalah menyediakan bukti empirik pengaruh modal psikologi ke atas pencapaian pelajar prasiswazah institusi pengajian tinggi awam. Kajian dijalankan ke atas individu sebagai unit analisis. Seramai 400 orang pelajar prasiswazah institusi pengajian tinggi awam di Sabah, Malaysia telah terlibat dalam kajian ini. *Psychological Capital Questionnaire* (PCQ) telah digunakan untuk mengumpul data. Analisis regresi digunakan untuk menguji pengaruh antara pembolehubah. Keputusan kajian menunjukkan modal psikologi mempunyai pengaruh positif ke atas prestasi umum tetapi tidak ada pengaruh ke atas pencapaian akademik.

Kata kunci: modal psikologi, pencapaian akademik, prestasi umum

Psikologi positif merupakan satu kajian saintifik mengenai pengalaman positif, tret atau sifat-sifat individu yang positif dan institusi yang membantu pembangunan pengalaman dan diri individu yang bersifat positif (Duckworth, Steen & Seligman, 2005). Menurut Luthans, Luthans dan Jensen (2012), cabang psikologi positif terhasil sebagai reaksi terhadap ketidakseimbangan dalam pengisian konsep psikologi yang lebih tradisional dahulu yang lebih menekankan kepada patologi dan aspek negatif dalam tingkah laku dan kefungsi manusia semata-mata.

Kajian mengenai psikologi positif ini adalah bertujuan untuk membina aspek kualiti positif bagi melahirkan individu dan masyarakat yang memiliki kekuatan, kecekapan dan kebaikan bagi membolehkan mereka berkembang maju serta mencapai kesejahteraan hidup (Bakker & Schaufeli, 2008). Psikologi positif juga meliputi aspek kesihatan mental dan kualiti kehidupan dengan membangunkan potensi dan kesejahteraan psikologi manusia.

Dalam kajian ini, empat elemen psikologi positif iaitu harapan, keyakinan diri, optimis dan ketahanan dikaji pengaruhnya terhadap pencapaian akademik dan prestasi umum dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi awam. Kajian mengenai psikologi positif ini telah banyak dijalankan di negara barat dan meliputi pelbagai aspek seperti kesihatan, komitmen, prestasi, dan tahap penglibatan akademik (Bakker & Schaufeli, 2008; Bevel, 2010; Buric & Soric, 2012; Curry, Snyder, Cook, Ruby, & Rehm, 1997; Feldman & Kubota 2015; El-Anzi, 2005; Luthans, Luthans, & Jensen, 2012).

Permasalahan Kajian

Menurut Seligman (2002), semakin gembira seseorang individu, semakin kurang fokus negatif yang dilakukan oleh individu tersebut. Individu yang gembira atau mencapai kepuasan hidup juga mempunyai kecenderungan untuk menyukai orang lain yang merupakan salah satu petunjuk bahawa wujudnya

suasana yang positif. Bagaimana pun, bukan setiap individu di dunia ini dapat mencapai kepuasan hidup yang mereka inginkan.

Dalam konteks pelajar universiti, kepuasan hidup meliputi pelbagai aspek. Seorang pelajar mempunyai pelbagai matlamat dan keinginan. Semakin tercapai setiap keinginan dan matlamat yang mereka impikan, semakin tinggi kepuasan hidup yang mereka miliki dan sebaliknya. Pencapaian akademik pula merupakan antara matlamat yang ingin dicapai oleh seseorang pelajar. Pencapaian akademik yang baik bukan sahaja memberikan individu emosi yang positif, malahan kepada ibu bapa, keluarga dan juga institusi pendidikan yang terlibat.

Elemen psikologi positif dibangunkan antaranya dengan tujuan untuk membina aspek positif dalam diri individu agar individu tersebut berkembang maju. Namun, adakah elemen-elemen positif ini akan mempengaruhi tahap pencapaian akademik dan prestasi umum pelajar? Terdapat kajian-kajian lalu yang menunjukkan pengaruh di antara elemen-elemen positif psikologi iaitu harapan, keyakinan diri dan optimis terhadap kepuasan hidup dan pencapaian akademik pelajar. Namun, kajian yang dijalankan mengenai ketiga-tiga elemen ini kebanyakannya dijalankan di negara barat. Justeru, timbul persoalan adakah keputusan yang sama akan diperolehi dalam kajian ini.

Secara spesifik, persoalan yang ingin dijawab dalam kajian ini ialah adakah harapan, keyakinan diri, optimis dan ketahanan mempengaruhi prestasi umum dan pencapaian akademik pelajar prasiswazah di Sabah? Pengkaji mengandaikan bahawa:

1. Keyakinan diri, harapan, optimis dan ketahanan mempunyai pengaruh signifikan ke atas prestasi umum pelajar prasiswazah di institusi pengajian tinggi awam.
2. Keyakinan diri, harapan, optimis dan ketahanan mempunyai pengaruh signifikan ke atas prestasi akademik pelajar prasiswazah di institusi pengajian tinggi.

Tujuan dan Signifikan Kajian

Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk melihat pengaruh elemen psikologi positif iaitu harapan, keyakinan diri, optimis dan ketahanan terhadap pencapaian pelajar institusi pengajian tinggi awam. Antara tujuan khusus kajian ini ialah untuk menguji pengaruh harapan, keyakinan diri dan optimis ke atas prestasi umum dan pencapaian akademik pelajar prasiswazah di IPTA.

Antara bidang yang akan menerima impak positif hasil daripada kajian ini sudah semestinya cabang psikologi positif ini sendiri. Penemuan baru khususnya yang berfokuskan negara Malaysia ini akan membantu penyelidik di masa akan datang dalam melakukan kajian yang seterusnya. Kajian ini juga memberi faedah kepada individu ataupun pelajar khususnya dalam mengenal pasti elemen penting psikologi positif yang boleh membantu mereka mencapai matlamat dalam kehidupan.

Sorotan Literatur

Zajacova, Lynch, dan Espenshade (2005) mengkaji hubungan keyakinan diri dengan kejayaan akademik dalam kalangan pelajar kolej. Seramai 107 orang pelajar telah terlibat dalam kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keyakinan diri mempunyai hubungan signifikan dan kesan positif yang sangat kuat terhadap Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) pelajar. Berdasarkan kajian yang sama yang dilakukan oleh Rand, Martin, dan Shea (2011), hasil kajian menunjukkan bahawa PNGK pelajar hanya dapat dijangka melalui keyakinan diri yang spesifik iaitu keyakinan diri dalam akademik. Dalam perkara ini, pengkaji memetik kata-kata dari Bandura (1977) yang menyatakan bahawa keyakinan diri harus diukur dengan merujuk kepada perkara-perkara spesifik. Contohnya di dalam kajian ini ialah keyakinan diri dalam akademik.

Harapan dan optimis merupakan antara kajian yang dijalankan secara meluas. Kedua-dua elemen ini antaranya dikaji dalam hubungan antara pencapaian akademik melalui Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK). Dapatan hasil kajian yang dijalankan oleh Rand *et al.*, (2011) mendapati bahawa harapan dapat menjangkakan PNGK yang lebih baik pada semester pertama sekolah perundangan berbanding optimis.

Di dalam kajian yang dilakukan oleh Feldman dan Kubota (2015), mereka mengkaji harapan secara spesifik iaitu harapan dalam akademik. Hal ini kerana kajian Snyder (1994) turut menunjukkan harapan secara umum mampu menjangkakan PNGK pelajar kolej namun dalam hubungan yang lemah. Kajian yang dilakukan oleh kedua-dua penyelidik ini yang secara lebih mendalam dan melibatkan 89 orang pelajar kolej di Universiti Utara California turut menunjukkan bahawa harapan yang dikaji secara umum dan tidak secara spesifik mampu meramalkan harapan dalam akademik dan harapan dalam akademik ini pula secara langsung dapat meramal PNGK pelajar. Ini kerana sifat konstruk harapan itu sendiri yang berupaya membantu individu dalam menekankan proses kognitif dengan mengecapi matlamat melalui hala tuju (perancangan) dan agensi (motivasi).

Di dalam kajian yang dilakukan oleh Singh dan Jha (2013), mereka menyatakan bahawa individu yang optimis mampu mengurangkan kebimbangan dan meningkatkan pencapaian akademik. Oleh yang demikian, mereka menjalankan kajian bagi melihat

hubungan antara tahap kebimbangan, optimis dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar perubatan dan kejuruteraan. Hasil kajian tersebut jelas menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara optimis dan pencapaian akademik. Namun, hubungan antara optimis dan kegelisahan secara signifikannya adalah negatif. Hal ini adalah kerana individu yang optimis dipercayai mempunyai strategi pencegahan tekanan yang lebih baik dan mempunyai usaha yang tinggi dalam pencapaian. Bagaimanapun, menurut Rand *et al.*, (2011) optimis sememangnya tidak dapat meramalkan PNGK pelajar. Hal ini demikian kerana sifat optimis itu sendiri yang teguh dalam sifat umumnya dan konstruksinya tidak dapat dikaitkan dengan pengukuran akademik.

Luthans, Avey, Avolio, dan Peterson (2010) menunjukkan melalui eksperimen mereka ke atas pelajar perniagaan bahawa kemampuan untuk membangunkan modal psikologi (harapan, keyakinan diri, optimis dan ketahanan) berjaya meningkatkan prestasi mereka selepas mengikuti latihan pembangunan modal psikologi.

Definisi Konsep

Di dalam kajian ini, harapan bermaksud subjek kajian mempunyai tekad dan haluan untuk mencapai matlamat yang diinginkan. Menurut Luthans dan Youssef (2004), harapan dapat diterangkan sebagai “mempunyai tekad dan haluan untuk mencapai sesuatu matlamat”. Mereka juga menyatakan bahawa harapan sebagai keadaan bermotivasi yang melibatkan interaksi dua elemen iaitu agensi dan haluan. Agensi yang dinyatakan merujuk kepada penentuan matlamat manakala haluan pula merujuk kepada rancangan untuk mencapai matlamat tersebut.

Keyakinan diri di dalam kajian ini merujuk kepada kepercayaan subjek kajian terhadap kebolehan diri sendiri untuk menggembeleng sumber kognitif bagi mendapatkan atau mencapai hasil yang spesifik. Bandura (1977) menyatakan bahawa keyakinan diri ialah kepercayaan terhadap kebolehan individu itu sendiri untuk mengatur dan melaksanakan tindakan yang diperlukan bagi menghasilkan pencapaian. Kepercayaan seperti ini merupakan penentu yang sangat penting dalam pemilihan tingkah laku yang terlibat dan sejauh mana ketahanan individu tersebut dalam usaha menghadapi halangan dan cabaran.

Optimis di dalam kajian ini pula merujuk kepada atribusi positif seseorang individu terhadap kejayaan masa kini dan masa akan datang. Menurut Luthans dan Youssef (2004), individu yang bersifat optimis terlindung daripada perkara-perkara yang tidak memuaskan, mengambil kira untuk potensi seperti rasa bersalah, kemurungan dan hakikatnya lebih mengambil kira untuk mendapatkan pulangan positif dalam perkara yang memuaskan. Ketahanan adalah kemampuan untuk bertahan dan bangkit semula untuk berjaya walaupun menghadapi banyak cabaran dalam mencapai kejayaan tersebut (Luthans *et al.*, 2007b).

Prestasi umum pula merujuk kepada pencapaian pelajar dalam pengajian secara umum yang diukur menggunakan satu soalan yang bertanyakan pencapaian pelajar. Respon pelajar direkodkan menggunakan skala 0 (sangat tidak memuaskan) hingga 10 (sangat memuaskan). Seterusnya pencapaian akademik membawa maksud pencapaian pada tahap tertentu yang diperolehi individu dalam pelbagai bidang ilmu


pengetahuan serta pembelajaran. Nilai Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) digunakan untuk mengukur pencapaian akademik.

Pendekatan Teori

Teori kesejahteraan merupakan teori yang dibangunkan oleh Seligman pada tahun 2011 berdasarkan buku yang diterbitkan oleh beliau yang bertajuk “*New Positive Psychology*”. Beliau mengambil masa selama beberapa tahun sebelum berjaya membentuk teori ini yang menjelaskan keperluan lima perkara yang diperlukan oleh individu untuk mencapai kesejahteraan

dan kepuasan hidup. Antara lima perkara tersebut ialah emosi yang positif. Menurut beliau, individu yang mempunyai emosi yang positif mampu bekerja dan belajar dengan lebih baik, mendorong diri lebih kreatif, mengambil peluang yang terbuka dan memandang masa hadapan melalui harapan dan sifat optimis. Seterusnya, Seligman menyatakan penglibatan sebagai salah satu keperluan individu. Menurut beliau, penglibatan diri di dalam pekerjaan atau pembelajaran membolehkan individu mengenal pasti kekuatan dan bakat yang ada di dalam diri mereka. Apabila individu tersebut telah mengetahui kekuatannya, individu tersebut dengan secara sadar akan terlibat dalam aktiviti yang meningkatkan keyakinan dirinya.

Kerangka Kajian



Rajah 1. Kerangka kajian.

Rajah 1 menunjukkan hubungan antara pembolehubah yang dikaji. Dua pembolehubah yang menjadi perhatian pengkaji adalah prestasi umum dan pencapaian akademik. Kajian lepas telah membuktikan bahawa keyakinan diri, harapan, optimis dan ketahanan berupaya mempengaruhi pencapaian akademik (PNGK) (Zajacova *et al.*, 2005; Rand *et al.*, 2011), namun tidak banyak yang diketahui pengaruh keyakinan diri, harapan dan optimis ke atas prestasi umum melainkan kajian yang dilakukan ke atas para pekerja (Luthans, Avolio, Walumba, & Li, 2005; Luthans, Youssef, & Avolio, 2007; Youssef & Luthans, 2007; Luthans, Avolio, Avey, & Norman, 2007a).

Metode

Rekabentuk Kajian dan Sampel

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan. Pemilihan sampel kajian dilakukan dengan menggunakan kaedah persampelan rawak mudah. Seramai 400 pelajar institusi pengajian tinggi awam di Sabah, Malaysia telah terlibat dalam kajian. Daripada jumlah tersebut, seramai 150 pelajar di Universiti Malaysia Sabah (Kampus Induk), 150 pelajar di Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) dan 100 pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) cawangan Kota Kinabalu. Satu set soal selidik digunakan sebagai alat mengumpul data.

Sebelum kajian rintis, pra-ujian dilakukan ke atas tiga orang pelajar yang dipilih secara rawak mudah. Tujuan pra-ujian adalah untuk mengetahui setakat mana soal selidik dapat difahami dan berapa lama tempoh masa yang diperlukan untuk menjawab semua soalan. Penambahbaikan telah dilakukan berdasarkan kepada komen yang diberikan oleh tiga orang pelajar semasa pra-ujian. Kajian rintis pula telah dilakukan ke atas 50 orang pelajar dari Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah. Kebolehppercayaan ketekalan dalaman ujian rintis alat kajian *Psychological Capital Questionnaire* berada pada tahap sederhana (Alfa Cronbach = .667). Kesahan tertumpu (*convergent validity*) pula menunjukkan nilai korelasi antara *Psychological Capital Questionnaire* (termasuk subskalanya) dengan dengan *Satisfaction with Life Scale* adalah sederhana iaitu antara .280 hingga .446. Program *IBM SPSS Statistics* versi 20.0 digunakan untuk menganalisis data kajian.

Instrumen Kajian

Instrumen *Psychological Capital Questionnaire* (PCQ) (Luthans, Youssef & Avolio, 2007b) yang asalnya untuk para pekerja telah diterjemah dan diuji kesesuaiannya untuk pelajar universiti oleh Siti Habsah Harun (2014). Berdasarkan kajian Siti Habsah Harun, didapati PCQ versi Bahasa Malaysia sampel pelajar mempunyai kebolehppercayaan ketekalan dalaman (Alfa Cronbach = .870) dan kesahan tertumpu (*convergent validity*) yang baik (berkorelasi secara signifikan dengan

Satisfaction with Life Scale dengan nilai $r = .382$, $k < .05$ terbukti sesuai digunakan dalam kalangan pelajar universiti.

Instrumen kajian ini terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian A adalah soal selidik PCQ versi Bahasa Melayu yang telah diterjemahkan dan diadaptasi kepada pelajar universiti oleh Siti Habsah Harun (2014). PCQ mempunyai empat subskala yang mengukur keyakinan diri (*self-efficacy*), harapan (*hope*), optimis (*optimism*) dan ketahanan (*resilience*). Ia memiliki format respon jenis Likert enam mata (1= “sangat tidak setuju” sehingga 6 = “sangat setuju”). Item-item PCQ berjumlah 24 item dan setiap subskala mempunyai 6 item. Bahagian B pula mengandungi soalan-soalan latar belakang responden seperti jantina, fakulti, program pengajian dan lain-lain.

Prestasi umum diukur menggunakan satu item yang meminta responden memberi respon kepada item “Prestasi semasa anda dalam pengajian: _____” dengan menggunakan skala “0 = Sangat tidak memuaskan, hingga 10 = Sangat memuaskan”. Pencapaian akademik pula diukur menggunakan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) terkini dengan meminta pelajar melaporkan PNGK mereka. Untuk mengawal *bias* dalam melaporkan PNGK, tidak ada sebarang pengenalan diri diminta. Pelajar hanya perlu melaporkan maklumat demografi

seperti jantina, umur, etnik, agama dan tahun pengajian. Analisis kebolehpercayaan ketekalan dalaman alfa Cronbach telah dilakukan ke atas keempat-empat subskala PCQ. Keputusan menunjukkan nilai alfa Cronbach bagi keyakinan diri adalah .85, harapan bersamaan dengan .77, optimis bersamaan dengan .53 dan ketahanan bersamaan dengan .63. Menurut Kline (1998), pekali kebolehpercayaan 0.70 adalah sesuai digunakan.

Keputusan dan Perbincangan

Hubungan antara pembolehubah-pembolehubah kajian ditunjukkan dalam Jadual 1. Hasil analisis korelasi Pearson menunjukkan bahawa elemen modal psikologi iaitu harapan, keyakinan diri, optimis dan ketahanan mempunyai nilai inter-korelasi antara $r = .40$ hingga $r = .62$. Hubungan antara elemen-elemen modal psikologi dengan prestasi umum pula adalah dalam lingkungan $r = .18$ hingga $r = .34$, manakala hubungan modal psikologi dengan pencapaian akademik adalah lingkungan $r = .01$ hingga $r = .04$. Hubungan antara prestasi umum dan pencapaian akademik pula adalah $r = .25$.

Jadual 1

Inter-Korelasi antara Harapan, Keyakinan Diri, Optimis, Ketahanan, Prestasi Umum dan Pencapaian Akademik

Pembolehubah	Harapan	Keyakinan diri	Optimis	Ketahanan	Prestasi umum	Pencapaian akademik
Harapan	-	-	-	-	-	-
Keyakinan diri	.62**	-	-	-	-	-
Optimis	.56**	.40**	-	-	-	-
Ketahanan	.59**	.50**	.55**	-	-	-
Prestasi umum	.34**	.24**	.18**	.18**	-	-
Pencapaian akademik	.04	.03	.01	.02	.25**	-

Nota: ** $k < .01$

Pengaruh harapan, keyakinan diri, optimis dan ketahanan ke atas prestasi umum dan pencapaian akademik

dianalisis menggunakan regresi mudah. Keputusan bagi setiap analisis ditunjukkan dalam Jadual 2 dan Jadual 3.

Jadual 2

Analisis Regresi Linear Pengaruh Harapan, Keyakinan Diri dan Optimis ke atas Prestasi Umum

Pembolehubah Bebas	R	R ²	Beta	F	T
Harapan	.411	.169	.411	79.39*	8.91*
Keyakinan Diri	.278	.077	.278	32.77*	5.72*
Optimis	.276	.076	.276	32.38*	5.69*
Ketahanan	.180	.032	.180	13.20*	3.63*

Nota: * $k < .05$

Jadual 3

Analisis Regresi Linear Pengaruh Harapan, Keyakinan Diri dan Optimis ke atas Pencapaian Akademik

Pembolehubah Bebas	R	R ²	Beta	F	T
Harapan	.042	.002	.042	.670	.819
Keyakinan Diri	.031	.001	.031	.544	.607
Optimis	.001	.001	.001	.001	.020
Ketahanan	.022	.001	.022	.182	.427

Nota: $k > .05$

Jadual 2 dan Jadual 3 menunjukkan hasil analisis regresi mudah pemboleh ubah bebas iaitu harapan, keyakinan diri, optimis dan ketahanan ke atas prestasi umum dan pencapaian akademik. Keputusan menunjukkan keempat-empat pemboleh ubah bebas mempunyai pengaruh signifikan ke atas prestasi umum (Jadual 2), tetapi tidak ada pengaruh signifikan ke atas pencapaian akademik (Jadual 3).

Harapan dan Prestasi Umum

Berdasarkan analisis regresi mudah dalam Jadual 2 didapati harapan mempunyai pengaruh terhadap prestasi umum pelajar. Individu yang mempunyai elemen harapan yang tinggi pada dirinya percaya bahawa mereka boleh memulakan dan mempertahankan pergerakan menghala kepada matlamat (pemikiran agensi) dan kepercayaan bahawa mereka boleh mencari laluan munasabah kepada matlamat (pemikiran haluan). Bukan itu sahaja, malahan individu atau pelajar yang mempunyai elemen harapan yang tinggi juga dipercayai meletakkan matlamat akademik secara keseluruhan yang tinggi dan mempunyai jangkaan kejayaan akademik yang tinggi berbanding pelajar lain (Curry, Snyder, Cook, Ruby, & Rehm, 1997). Dengan ini, individu yang mempunyai harapan yang tinggi akan berusaha sedaya upaya untuk mencapai matlamat akademiknya.

Hasil kajian ini selaras dengan kajian Buric dan Soric (2012) yang mendapati bahawa individu yang mempunyai elemen harapan yang tinggi pada dirinya akan membawa kepada pencapaian akademik yang baik dan tinggi berbanding individu yang tidak mempunyai elemen harapan dalam diri mereka. Menurut pengkaji-pengkaji ini, individu yang mempunyai harapan yang rendah secara terus menerus akan merasa tidak bermaya di dalam peperiksaan disebabkan ketiadaan galakkan dan kurangnya keyakinan pada kecekapan diri mereka. Ini membawa kepada usaha yang sedikit dalam hasil pembelajaran yang seterusnya memberi kesan kepada keputusan peperiksaan yang lemah.

Keyakinan Diri dan Prestasi Umum

Analisis ujian regresi mudah turut menunjukkan wujudnya pengaruh antara pemboleh ubah keyakinan diri terhadap pencapaian akademik. Individu yang mempunyai elemen keyakinan diri yang tinggi mempunyai hubungan yang negatif terhadap ketiadaan minat akademik dan ketidakpercayaan akademik (Zeinab, 2015). Keyakinan diri ini mempengaruhi pemilihan individu, niat atau tujuan, reaksi emosi, usaha, daya tahan dan juga adaptasi.

Berbanding dengan individu yang mempunyai tahap keyakinan diri yang lemah, individu seperti ini mempunyai pemikiran yang negatif dan berfikir bahawa setiap tugas yang diberikan memberikan dirinya ancaman (Muhammed, 2011). Oleh itu, individu seperti ini menetapkan objektif yang rendah untuk dirinya dan akhirnya mempunyai tahap pencapaian akademik yang rendah. Individu yang memiliki tahap keyakinan diri yang tinggi juga dikatakan mempunyai emosi yang stabil dan individu seperti ini juga adalah tenang apabila berhadapan dengan tugas dan aktiviti yang sukar.

Individu yang berkeyakinan diri juga mempunyai meta-kognitif yang tinggi dan membangun bersama-sama elemen ini (Matrissy & Winny, 2015). Hasil ini juga berlaku disebabkan individu yang mempunyai tahap keyakinan yang tinggi menggunakan masa yang banyak untuk belajar dan sebaliknya (Torres & Solberg, 2001). Kajian ini disokong oleh Thomrat (2015) yang telah mengukur keyakinan diri pelajar dan kejayaan di dalam kos kajian pendidikan di universiti di Thailand. Menurut beliau, pelajar yang mempunyai elemen keyakinan diri yang tinggi mempunyai prestasi yang baik di dalam peperiksaan.

Optimis dan Prestasi Umum

Dapatan hasil kajian menunjukkan wujudnya pengaruh optimis terhadap pencapaian akademik. Individu yang mempunyai sifat optimis menjangkakan hasil masa depan yang positif. Selain itu, individu ini juga secara berterusan akan terlibat dalam usaha untuk mengatasi masalah atau halangan yang muncul demi jangkaan yang mereka inginkan. Menurut Suvi, Elina, dan Kirsti (2015), hasil kajian mereka menunjukkan bahawa individu yang bersifat optimis dilaporkan mempunyai tahap penolakan tugas yang rendah atau mempunyai penglibatan akademik dan sikap persaingan yang positif.

Menurut El-Anzi (2005), optimis meningkatkan kebolehan individu untuk bertoleransi dengan situasi dan menyelesaikan masalah yang membawa kepada pencapaian akademik. Individu yang optimis mempunyai sifat kegigihan dan terlibat dalam matlamat yang tinggi. Perkara ini dapat diterangkan melalui sifat-sifat individu optimis itu sendiri yang menjangka hasil yang positif walaupun di dalam keadaan yang sukar. Di samping itu, individu yang optimis menggunakan kaedah pendekatan dan berfokuskan masalah dalam menangani situasi tekanan berbanding penggunaan emosi negatif.

Sebagai contoh, individu yang gagal dalam ujian di kelas akan merasa sedih dan kecewa. Namun, individu yang optimis akan berfikir positif dengan cara menjadikan kegagalan tersebut sebagai satu langkah untuk lebih berusaha. Dengan ini, individu tersebut boleh meningkatkan prestasi akademiknya di masa hadapan. Dapatan kajian ini turut disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Singh dan Jha (2013) serta Bevel (2010) yang masing-masing menunjukkan hubungan positif yang signifikan di antara optimis dan pencapaian akademik.

Ketahanan dan Prestasi Umum

Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa ketahanan mempunyai pengaruh ke atas prestasi umum pelajar. Pelajar yang memiliki ketahanan yang tinggi mampu mengekalkan prestasi mereka berbanding pelajar yang memiliki ketahanan yang rendah. Keputusan kajian ini menyokong dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Martin dan Marsh (2008) yang mendapati pelajar yang memiliki tahap ketahanan yang tinggi mempunyai pencapaian akademik yang lebih kukuh. Sesungguhnya ketahanan sangat diperlukan oleh pelajar untuk terus konsisten dalam pembelajaran di universiti memandangkan cabaran yang dihadapi adalah tinggi dan

dari pelbagai aspek seperti kuliah, tugasan, peperiksaan, kewangan dan persekitaran.

Kesimpulan

Tujuan kajian ini adalah untuk melihat pengaruh modal psikologi (harapan, keyakinan diri, optimis dan ketahanan) ke atas prestasi umum dan pencapaian akademik. Prestasi umum merupakan pencapaian umum pelajar semasa pengajian yang diukur menggunakan satu item yang memerlukan responden memberi respon kosong hingga sepuluh berkenaan prestasi semasa mereka. Pencapaian akademik pula lebih bersifat objektif yang diperolehi melalui laporan sendiri PNGK pelajar. Salah satu sebab yang mungkin menyebabkan modal psikologi tidak mempunyai hubungan dan pengaruh ke atas pencapaian akademik ialah kemungkinan kegagalan responden melaporkan PNGK mereka dengan tepat memandangkan isu PNGK adalah sensitif. Implikasi kajian ini ialah selain dapat mengetahui pengaruh modal psikologi ke atas prestasi dan pencapaian akademik, kajian ini juga memberi petanda bahawa mengkaji pencapaian akademik melalui laporan sendiri perlu dilakukan dengan teliti untuk mendapat keputusan yang benar-benar baik.

Penghargaan

Penyelidik ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Universiti Malaysia Sabah kerana membiayai penyelidikan ini di bawah Geran Penyelidikan SBK0091-SS-2013.

Rujukan

- Bakker, A. B., & Schaufeli, W. B. (2008). Positive Organizational Behavior: Engaged employees in flourishing organizations. *Journal of Organizational Behavior*, 29(2), 147–154.
- Bandura, A. (1977). Self-efficacy: Toward a unifying theory of behavioral change. *Psychological Reports*, 84, 191–215.
- Bevel, R. K. (2010). *The Effects of Academic Optimism on Student Academic Achievement in Alabama. Department of Educational Leadership, Policy, and Technology Studies*. The University of Alabama.
- Buric, I., & Soric, I. (2012). The Role of Test Hope and Hopelessness in Self-regulated Learning: Relations Between Volitional Strategies, Cognitive Appraisal and Academic Achievement. *Learning and Individual Differences*, 22, 523–529.
- Curry, L. A., Snyder, C. A., Cook, D. L., Ruby, B. C., & Rehm, M. (1997). Role of Hope in Academic and Sport Achievement. *Journal of Personality & Social Psychology*, 73, 1257–1267.
- Duckworth, A. L., Steen, T. A., & Seligman, M. E. P. (2005). Positive Psychology in Clinical Practice. *Annual Reviews of Clinical Psychology*, 1, 629–651.
- El-Anzi, F. O. (2005). Academic achievement and its relationship with anxiety, self-esteem, optimism and pessimism in Kuwaiti students. *Social Behavior and Personality*, 33, 95–104.

- Feldman, D. B., & Kubota, M. (2015). Hope, self-efficacy, optimism, and academic achievement: Distinguishing constructs and levels of specificity in predicting college grade-point average. *Learning and Individual Differences*, 37, 210–216.
- Kline, R. B. (1998). *Principle and Practice of Structural Modeling*. New York: Guilford Press.
- Luthans, F., Avey, J. B., Avolio, B. J., & Peterson, S. J. (2010). The development and resulting performance impact of positive psychological capital. *Human Resource Development Quarterly*, 21, 41–67.
- Luthans, F., Avolio, B., Avey, J. B., & Norman, S. M. (2007a). Psychological capital: Measurement and relationship with performance and job satisfaction. *Personnel Psychology*, 60(3), 541–572.
- Luthans, F., Avolia, B., Walumbwa, F., & Li, W. (2005). The psychological capital of Chinese workers: Exploring the relationship with performance. *Management and Organization Review*, 1, 247–269.
- Luthans, B. C., Luthans, K. W., & Jensen, S. M. (2012). The impact of bussiness school students' psychological capital on academic performance. *Journal of Education for Bussiness*, 87, 253–259.
- Luthans, F., & Youssef, C. M. (2004). Human, social, and now positive psychological capital management: Investing in people for competitive advantage. *Organizational Dynamics*, 33(2), 143–160.
- Luthans, F., Youssef, C. M., & Avolio, B. J. (2007b). *Psychological capital: Developing the human competitive edge*. Oxford UK: Oxford University Press.
- Martin, A. J., & Marsh, H. W. (2008). Academic buoyancy: Towards an understanding of students' everyday academic resilience. *Journal of School Psychology*, 46, 53–83.
- Matrissya, H., & Winny, P. T. (2015). Metacognition toward academic self-efficacy among Indonesian private university scholarship students. *Social and Behavioral Sciences*, 171, 1075–1080.
- Muhammed, Y. (2011). The impact of self-efficacy, achievement motivation, and self-regulated learning strategies on students' academic achievement. *Social and Behavioral Sciences*, 15, 2623–2623.
- Rand, K. L., Martin, A. D., & Shea, A. M. (2011). Hope, but not optimism, predicts academic performance of law students beyond previous academic achievement. *Journal of Research in Personality*, 45, 683–686.
- Seligman, M. (2002). *Positive emotions undo negative ones. Authentic Happiness*. New York: Simon & Schuster.
- Singh, I., & Jha, A. (2013). Anxiety, optimism and academic achievement among students of private medical and engineering colleges: A comparative Study. *Journal of Educational and Developmental Psychology*, 3(1), 222–233.
- Siti Habsah Harun. (2014). Terjemahan, Kesahan dan Ciri-ciri Psikometrik Skala Psychological Capital Questionnaire (PCQ) Versi Bahasa Malaysia. Latihan Ilmiah. Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah.
- Snyder, C.R. (1994). *The Psychology of Hope*. New York: Free Press.
- Suvi, N., Elina, K., & Kirsti, L. (2015). Sense of competence and optimism as resources to promote academic engagement. *Social and Behavioral Sciences*, 171, 1017–1026.

- Thomrat, S. (2015). Examining self-efficacy and achievement in educational research course. *Social and Behavioral Sciences*, 171, 1360–1364.
- Torres, J. B., & Solberg, V. S. (2001). Role of self-efficacy, stress, social integration, and family support in Latino college student persistence and health. *Journal of Vocational Behavior*, 59(1), 53–63.
- Youssef, C. M., & Luthans, F. (2007). Positive organizational behaviour in the workplace: The impact of hope, optimism, and resiliency. *Journal of Management*, 33, 774–800.
- Zajacova, A., Lynch, S. M., & Espenshade, T. J. (2005). Self-efficacy, stress and academic success in college. *Research in Higher Education*, 46(6), 677-706.
- Zeinab, R. (2015). The study of academic burnout in students with high and low level of self-efficacy. *Social and Behavioral Sciences*, 171, 49–55.